

**PERSEPSI TERHADAP AMALAN KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH DALAM  
KALANGAN MURID BERPENCAPAIAN TINGGI DAN RENDAH**

*Perception of Historical Thinking Skills practice among Higher and Lower  
Achievement Students*

M. Kaviza  
[kavizakaviza@yahoo.com](mailto:kavizakaviza@yahoo.com)  
Universiti Utara Malaysia, UUM

**ABSTRAK**

Kajian berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya dalam kalangan murid berpencapaian tinggi dan rendah. Seramai 521 orang murid Tingkatan Empat melalui teknik persampelan rawak mudah telah dijadikan sampel dalam kajian ini. Soal selidik yang telah diadaptasi dan disahkan oleh pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik telah dijadikan instrumen kajian ini. Data kajian ini telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu ujian-*t* sampel tidak bersandar dan ujian *MANOVA*. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya dalam kalangan murid berpencapaian tinggi dan rendah berada pada tahap sederhana. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min persepsi terhadap amalan pemikiran sejarah dan konstruksya yang signifikan antara murid berpencapaian tinggi dengan murid berpencapaian rendah. Di samping itu, tahap pencapaian murid didapati mempengaruhi persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada guru sejarah dalam merancang kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang lebih berkesan bagi meningkatkan amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid pada semua peringkat sekolah.

**Kata Kunci:** kemahiran pemikiran sejarah, persepsi, tahap pencapaian murid.

### **ABSTRACT**

*The survey method is aimed to examine the level of perception on historical thinking skills practice among between the higher and lower achievement students. A total 521 form four students was selected in this study through simple random sampling technique. The adapted questionnaire used in this study has been verified by the content expert and has a good reliability value. The data were analysed using descriptive and inferential statistics such as independent sample t-test and MANOVA test. The findings of this study indicate that the level of perception on historical thinking skills practice among higher and lower achievement students are at moderate level. Beside that, the findings of this study also showed that there is significantly different between the higher and lower levels of achievement student on perception of historical thinking skills practice. Therefore, level of achievement are influenced the perception of historical thinking skills practice among students. Essentially, the findings in this study can be used to facilitate and encourage history teachers to be more proactive in planning and implementing more effective teaching and learning methods based on historical thinking skills among students.*

**Keywords:** *Level of achievement students, historical thinking skills, practices.*

## 1.0 PENGENALAN

Mata pelajaran sejarah merupakan salah satu mata pelajaran teras dalam Kurikulum Sejarah yang bermatlamat untuk melahirkan murid yang mengetahui fakta sejarah dalam sejarah Malaysia dan seluruh dunia, disamping untuk mampu merangsang pemikiran murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Pengajaran dan pembelajaran sejarah tidak seharusnya tertumpu kepada ledakan fakta semata-mata. Namun begitu, mata pelajaran sejarah perlulah berlandaskan kemahiran pemikiran sejarah iaitu situasi yang membolehkan murid dapat berfikir secara kritis, mampu membuat perkaitan antara satu peristiwa dengan satu peristiwa yang lain, membuat interpretasi, mencari bukti, membuat pertimbangan dan ramalan serta imaginasi yang meletakkan murid pada kedudukan sebagai seorang ahli sejarah (Bicford II & Bickford, 2015). Peningkatan kemahiran pemikiran sejarah merupakan salah satu matlamat penting dalam pendidikan sejarah yang memperlihatkan kesepaduannya dengan pengetahuan, dan nilai murni (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2003; 2015). Dalam usaha untuk melahirkan generasi yang dapat memenuhi matlamat dan aspirasi negara, pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan sejarah perlu menjurus kepada pemupukan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid (PPK, 2003; 2015). Hal ini kerana mata pelajaran sejarah merupakan suatu mata pelajaran yang dapat merangsang pemikiran yang membolehkan murid melihat sesuatu peristiwa sejarah secara empati dengan menganalisis bagaimana manusia menggunakan masa, ruang, perubahan dan kesinambungan (Cowgill II & Waring, 2017).

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

Kemahiran pemikiran sejarah pula merupakan proses kognitif yang memerlukan murid-murid meneroka idea yang kompleks dan abstrak dengan bimbingan guru agar murid dapat memahami aspek kehidupan manusia silam sehingga hari ini secara kritis dan imaginatif (Rosy Talin, 2015; PPK, 2003; 2015). Oleh itu, kemahiran pemikiran sejarah adalah lebih spesifik kepada disiplin ilmu sejarah itu sendiri kerana kemahiran tersebut perlu dipupuk dalam kalangan murid bagi membolehkan mereka memahami bagaimana ahli sejarah merekonstruksi peristiwa lalu dengan menggunakan sumber sejarah yang menjadi bukti untuk menentukan signifikan sesuatu tarikh, tokoh, peristiwa, lokasi dan aktiviti manusia masa lalu

(Miki, Kojiri & Seta, 2015; Twyman, McCleery & Tindal, 2006). Dalam kurikulum sejarah, murid-murid perlu diajar memahami ciri-ciri sejarah supaya mereka dapat meningkatkan pemikiran mereka dengan lebih kritis dan analitis. Terdapat lima konstruk dalam kemahiran pemikiran sejarah yang perlu diamalkan dalam kalangan murid-murid dalam kurikulum sejarah (PPK, 2003; 2015) seperti berikut:

- i. Kemahiran memahami kronologi merujuk kepada urutan waktu dan peristiwa sejarah. Murid dididik dengan kemahiran memahami tempoh masa yang merujuk kepada kemajuan sesebuah tamadun.
- ii. Kemahiran meneroka bukti pula melibatkan kemahiran mengenal pasti dan membuat kaji banding antara sumber primer dengan sumber sekunder untuk mendapatkan maklumat sejarah. Sumber-sumber tersebut diperoleh melalui kaedah lisan, kaedah bertulis dan kaedah arkeologi.
- iii. Kemahiran membuat interpretasi membolehkan murid untuk membuat tafsiran terhadap sesuatu peristiwa dengan memberi ulasan berdasarkan bukti. Murid dapat mengetahui perbezaan tafsiran dan perspektif yang wujud dalam kalangan ahli sejarah.
- iv. Kemahiran membuat imaginasi merupakan usaha untuk melibatkan murid dengan sesuatu situasi dalam peristiwa sejarah. Kemahiran imaginasi diperoleh secara visual dan empati.
- v. Kemahiran membuat rasionalisasi pula melibatkan kepada penggunaan akal fikiran dan membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Berdasarkan literatur kajian lepas mendapati bahawa tahap amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid berada pada tahap sederhana secara keseluruhannya. Antaranya, dalam kajian Rully Putri Nirmala Puji dan Abdul Razaq Ahmad, (2015) mendapati bahawa persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah bagi konstruk kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi dan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan 400 orang murid berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian Sharifah Nor Puteh, Nooreiny Maarof dan Elisabeth Tak, (2010) yang melaporkan bahawa persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid berada pada tahap sederhana dan aspek jantung dan aliran mata pelajaran didapati mempengaruhi persepsi terhadap konstruk kemahiran pemikiran sejarah yang tertentu sahaja. Oleh itu, hasil dapatan kajian Sharifah et al, (2010) adalah selaras

dengan kajian Zahara Aziz dan Nurliah Jair, (2009) yang mendapati tahap pencapaian murid mempengaruhi pencapaian mata pelajaran sejarah dalam kalangan murid yang menggunakan peta konsep. Oleh itu, aspek demografi didapati mempengaruhi tahap persepsi murid dalam konteks pendidikan sejarah secara langsung dan tidak langsung (Johansson, 2017; Merkt, Werner, & Wagner, 2017). Sehubungan dengan itu, terdapat satu keperluan kepada pengkaji untuk mengenal pasti tahap persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah serta konstruksinya berdasarkan tahap pencapaian murid.

## **2.1 Soalan Kajian**

Terdapat empat soalan kajian dalam kajian ini seperti berikut:

- i. Apakah tahap persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya dalam kalangan murid berpencapaian tinggi?
- ii. Apakah tahap persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya dalam kalangan murid berpencapaian rendah?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara min persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan tahap pencapaian murid?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara min persepsi terhadap amalan kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi berdasarkan tahap pencapaian murid?

## **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian Rully Putri Nirmala Puji dan Abdul Razaq Ahmad, (2015). Soal selidik tersebut telah disahkan oleh dua orang pakar dalam bidang pendidikan sejarah yang berpengalaman melebihi 10 tahun dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik (Nunnally, 1978). Seramai 521 orang murid Tingkatan Empat iaitu 209 orang murid berpencapaian tinggi dan 312 orang murid berpencapaian rendah dari sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia telah dijadikan sampel dalam kajian ini melalui teknik persampelan rawak mudah. Sehubungan dengan dengan itu, pengkaji telah mengedarkan 30 set soal selidik kepada setiap sekolah menengah harian di negeri tersebut. Bilangan sampel tersebut adalah

melebihi saiz sampel yang diperlukan (Krejcie & Morgan, 1970). Pembahagian kriteria tahap pencapaian murid dalam kajian ini dilakukan berdasarkan keputusan gred Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) pada tahun sebelum yang dianggap sebagai keputusan piawai pada peringkat nasional dan telah disarankan oleh pihak JPN negeri terlibat seperti pada Jadual 1. Data statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t bagi sampel tak bersandar dan ujian MANOVA dengan sampel bebas dalam kajian ini dianalisis menggunakan perisian pengaturcaraan “*IBM SPSS Statistics*” versi 24. Interpretasi tahap persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kajian ini dilakukan seperti ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 1: Pembahagian Kriteria Murid

Kriteria	Gred Ujian
Murid berpencapaian tinggi	Gred A atau Gred B atau Gred C
Murid berpencapaian rendah	Gred D atau Gred E atau Gred F

Sumber: JPN (2018)

Jadual 2: Interpretasi Tahap Persepsi Terhadap Amalan Kemahiran Pemikiran Sejarah

Skor Min	Tahap
5.01 – 7.00	Tinggi
3.01 – 5.00	Sederhana
1.00 – 3.00	Rendah

Sumber: Adaptasi daripada Nik Mohd Rahimi, (2004)

#### **4.0 DAPATAN KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan keputusan kajian berdasarkan persoalan kajian yang dinyatakan.

##### **Soalan Kajian 1**

- i. Apakah tahap persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya dalam kalangan murid berpencapaian tinggi?

Berdasarkan Jadual 3, min persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah ( $M=4.65$ ,  $SD=0.89$ ) dalam kalangan murid berpencapaian tinggi berada pada tahap sederhana. Dari segi konstruknya pula, kemahiran membuat imaginasi ( $M=4.73$ ,  $SD=1.08$ ) menunjukkan min yang

lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ( $M=4.62$ ,  $SD=1.01$ ), kemahiran meneroka bukti ( $M=4.64$ ,  $SD=1.08$ ), kemahiran membuat interpretasi ( $M=4.68$ ,  $SD=1.04$ ) dan kemahiran membuat rasionalisasi ( $M=4.62$ ,  $SD=0.96$ ). Justeru, kesemua konstruk dalam amalan kemahiran pemikiran sejarah bagi murid berprestasi tinggi berada pada tahap sederhana.

Jadual 3: Min dan Tahap Persepsi Terhadap Amalan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam kalangan Murid Berprestasi Tinggi

	N	Skor min	Sisihan piawai	Tahap
Amalan Kemahiran Pemikiran Sejarah	209	4.65	0.89	Sederhana
a. Kemahiran memahami kronologi	209	4.62	1.01	Sederhana
b. Kemahiran meneroka bukti	209	4.64	1.08	Sederhana
c. Kemahiran membuat interpretasi	209	4.68	1.04	Sederhana
d. Kemahiran membuat imaginasi	209	4.73	1.08	Sederhana
e. Kemahiran membuat rasionalisasi	209	4.62	0.96	Sederhana

## Soalan Kajian 2

- ii. Apakah tahap persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstraknya dalam kalangan murid berprestasi rendah?

Berdasarkan Jadual 4, min persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah ( $M=3.95$ ,  $SD=1.07$ ) dalam kalangan murid berprestasi rendah berada pada tahap sederhana. Dari segi konstraknya pula, kemahiran membuat interpretasi ( $M=4.06$ ,  $SD=1.24$ ) menunjukkan min yang lebih tinggi berbanding dengan kemahiran memahami kronologi ( $M=3.92$ ,  $SD=1.18$ ), kemahiran meneroka bukti ( $M=3.92$ ,  $SD=1.19$ ), kemahiran membuat imaginasi ( $M=4.03$ ,  $SD=1.18$ ) dan kemahiran membuat rasionalisasi ( $M=3.90$ ,  $SD=1.15$ ). Justeru, kesemua konstruk dalam amalan kemahiran pemikiran sejarah bagi murid berprestasi rendah berada pada tahap sederhana.

Jadual 4: Min dan Tahap Persepsi Terhadap Amalan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Kalangan Murid Berpencapaian Rendah

	N	Skor min	Sisihan piawai	Tahap
Amalan Kemahiran Pemikiran Sejarah	312	3.95	1.07	Sederhana
a. Kemahiran memahami kronologi	312	3.92	1.18	Sederhana
b. Kemahiran meneroka bukti	312	3.92	1.19	Sederhana
c. Kemahiran membuat interpretasi	312	4.06	1.24	Sederhana
d. Kemahiran membuat imaginasi	312	4.03	1.19	Sederhana
e. Kemahiran membuat rasionalisasi	312	3.90	1.15	Sederhana

### Soalan Kajian 3

- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan tahap pencapaian murid?

Bagi menjawab persoalan kajian 3, maka hipotesis nol kajian ( $H_{01}$ ) telah dibentuk seperti berikut:

$H_{01}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan tahap pencapaian murid.

Berdasarkan Jadual 5, min persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah adalah lebih tinggi bagi murid berpencapaian tinggi ( $M=4.65$ ,  $SD=0.89$ ) berbanding dengan murid berpencapaian rendah ( $M=3.95$ ,  $SD=1.07$ ). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ( $F=3.72$ ,  $p=0.54$ ), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 6 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan skor min persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah [ $t(458)=-7.78$ ,  $p=0.00$ ] berdasarkan tahap pencapaian murid. Justeru,  $H_{01}$  telah berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara murid berpencapaian tinggi dan murid berpencapaian rendah terhadap min persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah.



Jadual 5: Ujian-t Sampel Tak Bersandar

	Ujian-t bagi persamaan min									
	Ujian <i>Levene's</i>		t	df	p	Perbezaan min	Min ralat piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan		
	F	Sig.						Bawah	Atas	
Perbezaan Min	3.72	0.54	-7.78	458	0.00	-0.70	0.09	-0.86		-0.52

#### Soalan Kajian 4

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara min persepsi terhadap amalan kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi berdasarkan tahap pencapaian murid?

Bagi menjawab persoalan kajian 4, maka hipotesis kajian ( $H_{02}$ ) telah dibentuk seperti berikut:

$H_{02}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min persepsi terhadap amalan kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi berdasarkan tahap pencapaian murid.

Berdasarkan Jadual 3 dan 4, min persepsi terhadap setiap konstruk dalam amalan kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi bagi murid berpencapaian tinggi adalah lebih tinggi berbanding dengan murid berpencapaian rendah. Berdasarkan keputusan ujian *Box's M* yang tidak signifikan [ $F(15, 797088.19)=1.81, p=0.27$ ] menunjukkan bahawa kesamaan kovarians antara kumpulan adalah sama dan andaian ujian MANOVA dengan sampel bebas adalah dipatuhi, maka keputusan ujian multivariat *Wilk's Lambda* [ $F(5, 515)=1852.08, p=0.00, \eta_p^2=0.95$ ] pada Jadual 6 telah melaporkan bahawa terdapat kesan utama tahap pencapaian murid yang signifikan terhadap min persepsi terhadap konstruk dalam amalan kemahiran pemikiran sejarah dengan nilai saiz kesan besar (Cohen, 2013). Oleh itu, tahap pencapaian murid memberi kesan yang signifikan terhadap min persepsi terhadap konstruk dalam amalan kemahiran pemikiran sejarah.

Jadual 6: Ujian Multivariat

<b>Kesan</b>		<b>Nilai</b>	<b>F</b>	<b>Hipotesis</b>	<b>Ralat</b>	<b>Sig.</b>	<b>Separa Eta</b>
				<b>df</b>	<b>df</b>		<b>Kuasa Dua</b>
<b>Pintasan</b>	Pillai's Trace	0.95	1852.08	5.00	515.00	0.00	0.95
	Wilks' Lambda	0.05	1852.08	5.00	515.00	0.00	0.95
	Hotelling's Trace	17.98	1852.08	5.00	515.00	0.00	0.95
	Roy's Largest Root	17.98	1852.08	5.00	515.00	0.00	0.95
Murid	Pillai's Trace	0.11	12.91	5.00	515.00	0.00	0.11
	Wilks' Lambda	0.89	12.91	5.00	515.00	0.00	0.11
	Hotelling's Trace	0.13	12.91	5.00	515.00	0.00	0.11
	Roy's Largest Root	0.13	12.91	5.00	515.00	0.00	0.11

Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan bagi kemahiran memahami kronologi [ $F(1, 519)=1.40, p=0.24$ ], kemahiran meneroka bukti [ $F(1, 519)=0.96, p=0.33$ ], kemahiran membuat interpretasi [ $F(1, 519)=5.48, p=0.20$ ], kemahiran membuat imaginasi [ $F(1, 519)=0.31, p=0.58$ ] dan kemahiran membuat rasionalisasi [ $F(1, 519)=6.06, p=0.14$ ] menunjukkan bahawa kesetaraan kovarians antara kumpulan adalah sama dan andaian ujian MANOVA dengan sampel bebas adalah dipatuhi, maka ujian kesan antara subjek pada Jadual 7 menunjukkan bahawa tahap pencapaian murid merupakan faktor yang mempengaruhi skor min konstruk dalam amalan kemahiran pemikiran sejarah secara signifikan iaitu dari segi kemahiran memahami kronologi [ $F(1, 519)=48.61, p=0.00, \eta_p^2=0.09$ ], kemahiran meneroka bukti [ $F(1, 519)=49.12, p=0.00, \eta_p^2=0.09$ ], kemahiran membuat interpretasi [ $F(1, 519)=35.60, p=0.00, \eta_p^2=0.06$ ], kemahiran membuat imaginasi [ $F(1, 519)=47.39, p=0.00, \eta_p^2=0.08$ ], dan kemahiran membuat rasionalisasi [ $F(1, 519)=55.93, p=0.00, \eta_p^2=0.10$ ] dengan saiz kesan adalah besar (Cohen, 2013). Nilai  $R^2$  juga menunjukkan bahawa tahap pencapaian murid hanya menyumbang sebanyak 0.10 perubahan kepada kemahiran membuat rasionalisasi, sebanyak 0.09 perubahan kepada kemahiran memahami kronologi dan kemahiran meneroka bukti, sebanyak 0.08 perubahan kepada kemahiran membuat imaginasi dan 0.06 perubahan kepada kemahiran membuat interpretasi. Justeru,  $H_{02}$  berjaya ditolak dan terdapat perbezaan yang signifikan bagi min persepsi terhadap amalan kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi berdasarkan tahap pencapaian murid.

Jadual 7: Ujian Kesan Antara Subjek

Sumber	Variabel bersandar	Jumlah Kuasa dua Jenis III	df	Kuasa Dua Min	F	Sig.	Separa Eta Kuasa Dua
<b>Model yang diperbetulkan</b>	Kronologi	60.78 <sup>a</sup>	1	60.78	48.61	0.00	0.09
	Bukti	64.76 <sup>b</sup>	1	64.76	49.12	0.00	0.09
	Interpretasi	48.43 <sup>c</sup>	1	48.43	35.60	0.00	0.06
	Imaginasi	62.27 <sup>d</sup>	1	62.27	47.39	0.00	0.08
	Rasionalisasi	65.27 <sup>e</sup>	1	65.27	55.93	0.00	0.10
<b>Pintasan</b>	Kronologi	9128.70	1	9128.70	7299.57	0.00	0.93
	Bukti	9151.67	1	9151.67	6941.13	0.00	0.93
	Interpretasi	9574.60	1	9574.60	7037.84	0.00	0.93
	Imaginasi	9608.73	1	9608.73	7312.74	0.00	0.93
	Rasionalisasi	9094.43	1	9094.43	7792.32	0.00	0.94
<b>Murid</b>	Kronologi	60.78	1	60.78	48.61	0.00	0.09
	Bukti	64.76	1	64.76	49.12	0.00	0.09
	Interpretasi	48.43	1	48.43	35.60	0.00	0.06
	Imaginasi	62.27	1	62.27	47.39	0.00	0.08
	Rasionalisasi	65.27	1	65.27	55.93	0.00	0.10
<b>Ralat</b>	Kronologi	649.05	519	1.25			
	Bukti	684.29	519	1.32			
	Interpretasi	706.07	519	1.36			
	Imaginasi	681.95	519	1.31			
	Rasionalisasi	605.73	519	1.17			
<b>Jumlah</b>	Kronologi	9905.80	521				
	Bukti	9958.81	521				
	Interpretasi	10440.32	521				
	Imaginasi	10428.03	521				
	Rasionalisasi	9820.95	521				
<b>Jumlah yang Diperbetulkan</b>	Kronologi	709.84	520				
	Bukti	749.04	520				
	Interpretasi	754.50	520				
	Imaginasi	744.22	520				
	Rasionalisasi	670.99	520				

<sup>a</sup>. R Squared= 0.09 (Adjusted R Squared = 0.08)

<sup>b</sup>. R Squared= 0.09 (Adjusted R Squared = 0.09)

<sup>c</sup>. R Squared= 0.06 (Adjusted R Squared = 0.06)

<sup>d</sup>. R Squared= 0.08 (Adjusted R Squared = 0.08)

<sup>e</sup>. R Squared= 0.10 (Adjusted R Squared = 0.10)

## 5.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah iaitu kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat

rasionalisasi dalam kalangan murid berpencapaian tinggi dan murid berpencapaian rendah berada pada tahap yang sederhana. Murid berpencapaian tinggi mempamerkan persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah yang lebih baik berbanding dengan murid berpencapaian rendah. Tahap persepsi yang sederhana ini perlu dipertingkatkan lagi untuk menjamin peningkatan amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Hal ini kerana murid menghafal fakta sejarah tanpa memahami perubahan masa yang berlaku dalam tempoh sesuatu peristiwa sejarah (Aktin, 2016; Baharuddin Jabar, 2013). Murid juga perlu diberi pendedahan awal tentang jenis sumber primer dan sekunder di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Newmann, 1990). Selain itu, guru perlu membimbing murid untuk membuat interpretasi sejarah bagi membolehkan mereka dapat menghayati sesuatu peristiwa sejarah dengan lebih baik (Cowgill II & Waring, 2017; Lee, 2013). Walau bagaimanapun, murid didapati gagal untuk membuat pengadilan terhadap sebab dan akibat dalam sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku (Salinas, Franquiz & Guberman, 2006). Oleh itu, dapat diperjelaskan tahap persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid, khususnya murid berpencapaian tinggi dan murid berpencapaian rendah masih berada pada tahap sederhana dan dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Rully Putri Nirmala Puji dan Abdul Razaq Ahmad, (2015) dan Sharifah et al, (2010) yang turut melaporkan amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid adalah sederhana.

## **6.0 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, tahap persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya dalam kalangan murid berpencapaian tinggi dan rendah berada pada tahap sederhana. Oleh itu, pendedahan yang lebih mendalam dan meluas perlu diberikan kepada murid bagi memastikan matlamat pembelajaran sejarah dapat dicapai. Guru-guru sejarah perlu memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat menerapkan amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid. Maka, pihak sekolah, PPK, JPN dan sebagainya perlu berkerjasama dalam merancang strategi-strategi tertentu bagi mempertingkatkan amalan kemahiran pemikiran sejarah tersebut dalam pendidikan sejarah.

**RUJUKAN**

- Aktin, K. (2016). A Semiotic analysis on the utilization of historical thinking skills in pre-school period. *Academic Journals*, 11, 1335-1366.
- Bickford II, J.H., & Bickford, M.S. (2015). Historical Thinking, Reading and Writing about World's Newest Nation, South Sudan. *Social Studies Research and Practice*, 10(2), 111- 123.
- Cowgill II, D.A., & Waring, S.M. (2017). Historical Thinking: An Evaluation of Student and Teacher Ability to Analyze Sources. *Journal of Social Studies Education Research*, 8(1), 115-145.
- Johansson, P. (2017). Learning study as a clinical research practice to generate knowledge about the learning of historical primary source analysis. *Educational Action Research*, 25(1), 167-181.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. Duluth: University of Minnesota.
- Lee, M. (2013). Promoting historical thinking using the explicit reasoning text. *The Journal of Social Studies Research*, 37, 33-45.
- Merkel, M., Werner, M., & Wagner, W. (2017). Historical thinking skills and mastery of multiple documents tasks. *Learning and Individual Differences*, 54, 135-146.
- Miki, Y., Kojiri, T., & Seta, K. (2015). "If Thinking" Support System for Training Historical Thinking. *Procedia Computer Science*, 60, 1542-1551.
- Newmann, F.M. (1990). The relationship of classroom Thoughtfulness to student's Higher Order Thinking Preliminary Result in High School Social Studies. *National Center of Effective Secondary Schools*, 1-28.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometric Theory* (2<sup>nd</sup> Ed). New York: McGraw Hill.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rosy Talin. (2015). Historical Thinking Skills – The Forgotten Skills?. *International Journal of Learning and Teaching*, 7(1), 15-23.
- Rully Putri Nirmala Puji, & Abdul Razaq Ahmad. (2015). Gaya Belajar dan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam pembelajaran Sejarah di Peingkat Universitas. *Edusentris, Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*, 2(3), 253-263.
- Salinas, C., Franquiz, M.E., & Guberman, S. (2006). Introducing Historical Thinking to Second Language Learners: Exploring What Students Know and What They Want to Know. *The Social Studies*, 203- 207.
- Sharifah NorPuteh, Nooreiny Maarul, & Elisabeth Tak. (2010). Students' Perception of the Teaching of Historical Thinking Skills. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 18(S), 87-95.
- Twyman, T., McCleery, J., & Tindal, G. (2006). Using Concepts to Frame History Content. *The Journal of experimental Education*, 74(4), 331-349.
- Zahara Aziz & Nurliah Jair. (2009). Penggunaan Peta Konsep untuk Meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah bagi Pelajar Tingkatan Dua. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 3-15.
- Zahara Aziz, & Nik Azleena Nik Ismail. (2007). Kajian Tinjauan Kesiediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah Kepada Para Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 32, 119-137.